

04/12/1997

Perlumbaan senjata musnahkan dunia

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin menyarankan perlunya wujud sistem persenjataan baru bagi menangani penjenayah, lanun, pengedar dadah dan perhambaan yang kian menular di seluruh dunia. Sekali imbas, saranan ini agak ganjil tetapi jika diamati, ia adalah satu idea praktikal melihat kepada kemusnahan dunia akibat senjata ciptaan manusia hari ini. Setakat ini, kita belum mendengar sebarang cadangan seperti itu daripada mana-mana pihak.

Sekiranya dibuat perkiraan mengenai kehancuran harta akibat senjata, sama ada kesan peperangan atau tujuan lain, jumlahnya amatlah besar. Kota indah yang dibina dalam tempoh beratus tahun, musnah dalam sekelip mata. Tamadun manusia musnah akibat senjata ciptaan manusia. Ini tidak termasuk kematian ngeri akibat senjata seperti ini. Jutaan manusia terkorban dalam pelbagai peperangan dunia. Apakah kita mahu melihat keadaan ini berterusan?

Jika dilihat daripada perlumbaan ciptaan pembuatan senjata, setiap negara yang mempunyai teknologi seperti itu cuba mencipta senjata yang lebih kuat daripada ciptaan negara lain. Lebih kuat kemusnahan yang boleh dilakukan oleh sesuatu senjata itu, maka ia dianggap lebih baik dan mudah mendapat pasaran. Lebih bahaya ciptaan sesuatu senjata itu, ia lebih mendapat pasaran. Apa yang kita bimbangkan ialah pembuatan senjata seperti ini adalah semata-mata untuk memusnahkan dunia yang kita bina. Mangsanya adalah negara yang lemah. Pemilikan senjata yang canggih digunakan untuk menggugat negara kecil.

Apa logiknya, kita menggunakan wang yang besar untuk memajukan negara sedangkan pada satu pihak lain, ada negara yang mencipta senjata untuk memusnahkannya. Sepatutnya, kita mencipta alat yang boleh memberi kebaikan. Apa ertinya perniagaan yang besar jika hasilnya adalah kematian dan kemusnahan. Dengan adanya ciptaan senjata yang memusnahkan inilah, maka berlakunya peperangan yang sia-sia kerana masing-masing mahu menunjukkan kegagahan.

Idea Perdana Menteri pastinya bertentangan dengan strategi perniagaan pihak pengeluar senjata kerana selama ini, setiap ciptaan mereka adalah daripada jenis senjata yang memusnahkan. Bagi mereka, senjata itu sendiri membawa maksud kemusnahan. Andaian mereka, jika senjata tidak berfungsi untuk memusnahkan harta atau nyawa, ia bukan termasuk dalam kategori senjata. Bagi kita, setiap ciptaan dan kemajuan dalam bidang teknologi pembuatan senjata tidak bermakna menjurus kepada ciptaan senjata untuk tujuan kemusnahan semata-mata. Kitalah yang menentukan sama ada sesuatu senjata itu wajar digunakan untuk tujuan kemusnahan atau sebaliknya. Jika kita mahu terus menangani sesuatu masalah dengan cara membawa kemusnahan, rasanya Perdana Menteri tidak perlu membuat saranan seperti itu.

Senjata yang sedia ada sudah boleh melumpuhkan setiap kegiatan seumpama itu. Kita boleh menggunakan segala senjata sedia ada untuk menghapuskan penjenayah. Kita nampak Dr Mahathir cuba mengajak setiap pihak mencari jalan menyelesaikan sesuatu masalah dengan lebih berkesan tanpa membabitkan kemusnahan atau kematian. Kemungkinan juga ciri-ciri persenjataan baru yang boleh dicipta kelak boleh mengelakkan dunia ini daripada berlakunya pembunuhan yang sia-sia.

Cuma kita yakin ramai yang berpendapat bahawa dengan menggunakan senjata yang tidak memusnahkan untuk menggempur penjenayah, tidak akan menyelesaikan masalah jenayah.

Pada kita, usaha menyelesaikan masalah jenayah tidak semestinya hanya dengan menggunakan senjata yang memusnahkan. Kemungkinan, alat yang dicipta itu mampu menghindarkan sebarang kegiatan jenayah. Ia mungkin lebih kepada alat pencegahan. Ia mungkin dalam bentuk yang boleh memerangkap pelaku jenayah sama ada di darat atau di laut.

Masalah hari ini ialah senjata bahaya bukan saja digunakan oleh pihak berkuasa tetapi juga oleh penjenayah. Jika tidak ada senjata dicipta, bermakna penjenayah juga tidak mempunyai senjata ketika melakukan kegiatan mereka. Cara ini tentulah lebih mudah untuk menangkap mereka. Hari ini kita sering mendengar pertempuran antara pihak berkuasa keselamatan dengan penjenayah, kerana kedua-duanya memiliki senjata.

Kita berpendapat langkah paling wajar ialah menghentikan sebarang pembuatan senjata bahaya dalam apa bentuk sekali pun. Jika ini boleh dilakukan, kita yakin, dunia ini akan lebih aman dan peperangan dapat dielakkan. Sama ada idea Dr Mahathir ini boleh dilaksanakan bergantung kepada kejujuran negara pengeluar senjata. Kita berharap ia dapat dilaksanakan.

(END)